

Perlu berlatih segera

B. Harian (M)



PENCAK
SILAT

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF

JAGUH-JAGUH silat kebangsaan perlu meningkatkan latihan pusat untuk menghadapi Kejohanan Silat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini memandangkan masa untuk berlatih adalah terhad.

21 SEP 1987

Kejayaan mengutip dua pingat emas, tiga perak dan lapan gangsa di Sukan SEA Jakarta memberi petanda bahawa kemajuan boleh dicapai dalam kejohanan itu nanti sekiranya beberapa kelemahan yang ketara dapat diperbaiki.

Pesilat-pesilat negara tidak perlu leka kerana penyertaan 17 negara dalam Kejohanan Antarabangsa ke-4 adalah sebagai penentu 'merajai' gelanggang persilatan.

Antara 17 negara dijangka turut serta ialah Turki, Australia, Perancis, Jerman Barat, Belanda, Amerika Syarikat, Thailand, Brunei Darussalam, Singapura, Indonesia, Surinam, Britain, Austria, Yugoslavia, Switzerland, Sepanyol dan Malaysia.

Kemungkinan Ireland Utara dan Scotland akan turut serta sekiranya kerajaan Britain membenarkan jurulatih silat Malaysia, Abdul Razak Othman, memasuki negara itu untuk melatih pesilat-pesilatnya sebelum ke sini.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulatman Sarijan, memberitahu pencapaian di Jakarta cukup membe-

rangsangkan dan tunggulah kejayaan lebih besar di Kuala Lumpur Disember ini.

Katanya, sungguhpun penyertaan negara-negara Eropah terutama dari Belanda boleh menghalang pesilat-pesilat dari Asia Tenggara tetapi ia tidak bererti pesilat kita akan kecewa.

Penyertaan pesilat-pesilat mereka akan menarik perhatian masyarakat tempatan yang tidak mengetahui silat sudah berkembang di Eropah.

"Silat sudah lama berkembang di Barat dan kepakaran yang kita miliki selama ini sudah dipeloporinya," jelasnya.

Dalam kejohanan di Vienna, Austria yang di sertai oleh 14 negara tahun lalu, Malaysia berjaya memenangi dua pingat gangsa menerusi, Abdullah Mohamad dan Ahmad Fauzi Othman.

Silat Olahraga: ATM minta bantuan Pesaka

B. Harian (M)

ANGKATAN Tentera Malaysia (ATM) akan meminta kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengembangkan silat olahraga dalam pasukannya sebagai persiapan untuk Kejohanan Silat Kebangsaan Februari depan, lapor MOHD RAHIME YUSOFF.

ATM yang sebelum ini cuma menumpukan kepada taekwon-do, juga berkeupayaan menyediakan pasukan silat disegani jika sukan itu turut diperkenalkan secara meluas di kalangan anggota-anggotanya.

Pengerusi Persatuan Seni Mempertahankan Diri ATM, Lt Kolonel Mohd Noor Jaafar, berkata pihaknya berminat mengembangkan silat olahraga